



**SEBAHAGIAN ... peserta yang menghadiri Taklimat Perdana GST di UMS Kampus Antarabangsa Labuan.**

## UMSKAL dan Kastam Labuan anjur Taklimat Perdana GST

**LABUAN:** Seramai 200 peserta telah menghadiri Taklimat Perdana Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) di Podium D, Bangunan Menara UMS Labuan, kelmarin.

Mereka terdiri daripada kakitangan jabatan dan agensi kerajaan termasuk kakitangan, pen-syarah dan pelajar UMS Labuan.

Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik menyempurnakan majlis perasmian program anjuran bersama UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Wilayah Persekutuan Labuan itu.

Turut hadir Penolong Kanan Pengarah Kas-

tam Dua yang juga Ketua Bahagian GST, Hallun Haji Mutalib dan Timbalan Pendaftar UMSKAL, Zamri Mohamad Tuah serta Ketua Bahagian Kewangan UMSKAL, Mohd Nazir Abd Manan.

Taklimat hampir dua jam itu disampaikan oleh Penolong Pengarah Bahagian GST, Hasney Haji Yahya dan Penguasa Kastam Bahagian GST, Gaven Werjerlun.

Turut diadakan pameran GST di ruang lebar Bangunan Menara UMS Labuan.

GST akan dilaksanakan mulai April 2015.

— OLEH JAINUDIN DJIMIN - jainudin@newsabahtimes.com.my